

**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000009877

**KAJIAN FAKTOR PENYEBAB KELEMAHAN AKSES BAS DAN
KESANNYA KEPADA PEMILIHAN MOD PENGGUNA
KTM SUBANG JAYA**

LIYANA BT ABU HASSAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2009

ABSTRAK

Langkah mengintegrasikan perkhidmatan bas dan keretapi dianggap satu cara yang bijak untuk mengurangkan kebergantungan kepada automobil, sekaligus mengurangkan kesesakan trafik. Tetapi intermodaliti di antara bas dan keretapi yang sepatutnya mengurangkan kesesakan trafik boleh gagal sekiranya tahap akses bas ke stesen keretapi lemah. Tahap akses yang lemah adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti aktiviti gunatanah sekitar dan lokasi stesen itu sendiri. Kajian ini fokus kepada faktor yang menyebabkan kelemahan akses bas ke stesen keretapi dan kesannya kepada kecenderungan pemilihan mod pengguna KTM Komuter. Subang Jaya dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia merupakan kawasan pertukaran mod. Ia juga menyediakan perkhidmatan *park-n-ride*, sekaligus menjadikannya lebih menarik kepada penduduk Subang Jaya yang ingin menggunakan KTM Komuter. Kajian ini menyimpulkan bahawa faktor yang mempengaruhi kelemahan akses bas ke stesen KTM adalah keadaan fizikal laluan masuk yang sempit, ketiadaan ruang ekstra di dalam kawasan stesen untuk lebih banyak bas dan aktiviti gunatanah yang pesat. Daripada soal selidik dan analisis yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa kecenderungan pemilihan bas ke stesen KTM dan penggunaan Komuter pada masa depan tidak berkaitan dengan akses bas. Adalah dicadangkan kepada pengusaha bas untuk menggunakan bas kecil seperti bas mini untuk Subang Jaya. KTMB dan MPSJ pula dinasihatkan untuk mendapatkan laluan masuk alternatif kepada bas untuk masuk ke kawasan stesen KTM.

ABSTRACT

Integrating rail and bus transportation services has been considered as a great way to reduce dependability on the automobile, thus reducing traffic congestion. But the intermodality between rail and bus which is supposed to reduce traffic congestion could fail if there is low bus access to the rail station. The low level of bus access into railway station is caused by a number of factors; such as the surrounding land use activities and the location of the station itself. This study focuses on the factors causing buses to have low access level into railway station and the effect on the KTM Komuter's choice of mode for their journey. Subang Jaya KTM station has been chosen as the study area because it is a transit interchange area. It also provides park-n-ride services, thus making it more attractive for Subang Jaya residents who wish to use KTM Komuter. The study concluded that the factors influencing low bus access level into the KTM station are the physical state of the entrance-way into the station which is narrow, no extra space in the station area for extra buses and the high density of land use activities. From a number of surveys conducted and analysis, it can be concluded that the Komuter passenger's tendency to use the bus to get to the Komuter station and also their tendency to use KTM Komuter in future are not related to the bus access. It is proposed that bus operators use smaller bus like minibus to serve Subang Jaya. It is also advisable for KTMB and MPSJ to get an alternative entrance route for the buses to get into the KTM station.